



PENDAFTARAN KONTRAKTOR / PEMBEKAL DENGAN MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

PENERANGAN

1. Setiap syarikat kontraktor / pembekal yang berurusan dengan Majlis Perbandaran Sungai Petani adalah diwajibkan untuk mendaftar dengan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK).
2. Salinan Sijil berikut adalah perlu (jika ada) untuk dilampirkan bersama borang pendaftaran :
 - a) Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - b) Salinan Kad Pengenalan untuk individu.
 - c) Salinan buku atau Penyata Bank (hanya paparan no akaun bank sahaja).
 - d) Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (masih dalam tempoh sah).
 - e) Salinan sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB (masih dalam tempoh sah).
 - f) Salinan sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB (masih dalam tempoh sah).
 - g) Salinan sijil Asal Taraf Bumiputera oleh PKK (masih dalam tempoh sah).
3. Sila pastikan perkara (***wajib isi**) diisi selengkapnya agar tidak mengganggu proses bayaran yang akan dibayar secara Electronic Fund Transfer (EFT) kepada pihak kontraktor dan pembekal.
4. Sila pastikan tempoh tamat pendaftaran bagi perkara (2) dan sila hantar salinan sijil yang terbaru bagi tujuan mengemaskini maklumat yang ada.
5. Jika salinan baru tidak diterima Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) menganggap pihak tuan tidak lagi berminat untuk urusan dengan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK).
6. Jika berlaku sebarang perubahan dalam butir-butir pendaftaran, sila maklumkan secara bertulis ke Bahagian Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Sungai Petani seberapa segera yang mungkin :-
 - (i) Alamat;
 - (ii) Hak Milik;
 - (iii) Pertukaran Nama Syarikat;
 - (iv) Nama dan Nombor Akaun Bank; dan
 - (v) Lain-lain yang berkaitan.
7. Pastikan semua butir-butir yang diperlukan ditulis/ditaip dengan lengkap dan terang. Sila majukan terus ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Ukur Bahan
Majlis Perbandaran Sungai Petani,
Menara MPSPK,
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman**

**No.Tel : 04 - 429 6666
No. Faks : 04 - 429 6655**

8. Kadar caj pendaftaran kontraktor kerja adalah seperti berikut :-

8.1.

KELAS	JUMLAH CAJ (RM)
G7	700.00
G6	600.00
G5	500.00
G4	400.00
G3	300.00
G2	200.00
G1	100.00

- 8.2. Kadar caj pendaftaran bagi Kontraktor Pembekalan / Perkhidmatan adalah seperti berikut :-

RM 100.00 untuk semua jenis kontraktor Pembekalan / Perkhidmatan

9. Kontraktor / pembekal dimestikan membawa sijil-sijil asal yang berkaitan semasa mengemukakan Borang Pendaftaran.
10. Satu sijil pendaftaran **atau salinan resit pendaftaran** akan dikemukakan kepada tuan / puan selepas selesai pendaftaran. Tempoh sah setiap sijil pendaftaran berakhir pada 31 Disember tahun semasa. **Salinan sijil atau salinan resit pendaftaran ini hendaklah dikemukakan semasa membuat pembelian Borang Sebutharga.**
11. Sijil ini perlulah diperbaharui pada setiap tahun. Anda juga boleh memperbaharui sijil ini mengikut tempoh yang dikehendaki.